

Dokumentasi 13 Mei bersifat perkauman

BH-15/5/2007.

KUALA LUMPUR: Dokumentasi yang dihasilkan kakitangan Pesuruhjaya Tinggi British di sini dan dijadikan rujukan seorang penulis buku di negara ini berhubung kejadian rusuhan kaum pada 13 Mei 1969, dipertikaikan kerana dikatakan berat sebelah dan anti-Melayu.

Sehubungan itu, beberapa pihak mempersoalkan tindakan penulis buku *May 13: Declassified Documents on the Malaysian Riot of 1969*, Dr Kua Kia Soong yang menjadikan laporan dokumentasi itu sebagai panduan dalam menghasilkan bukunya.

Buku yang diedarkan Ahad lalu, antara lain mendakwa punca rusuhan itu bukanlah daripada keganasan kaum seperti yang digambarkan selama ini tetapi golongan kapitalis dalam Umno yang ingin menggulingkan kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman.

Ahli Akademik, Prof Dr Nik Anuar Mahmud, yang meneliti dokumentasi itu mendakwa laporan itu bersifat perkauman dan tidak boleh dijadikan rujukan sejarah di negara ini.

Katanya, mengikut undang-

undang British, sesuatu dokumen sulit akan diklasifikasikan sebagai rahsia selama 30 tahun.

“Dokumen itu dibuka kepada orang ramai pada 1999 dan ketika itu saya membaca dan membuat salinan. Saya dapati dokumen itu ditulis kakitangan Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur. Laporan itu ternyata bersifat berat sebelah, anti-Melayu dan perkauman,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dr Nik Anuar berkata, laporan itu menggambarkan Tun Abdul Razak berkomplot bagi menjatuhkan Tunku Abdul Rahman dan merancang kecauan itu dengan sokongan polis dan tentera bagi melaksanakan agenda baru Melayu.

Sementara itu, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Dr Kua perlu mengemukakan bukti bahawa tragedi 13 Mei berlaku kerana perancangan politik bagi menjatuhkan Tunku Abdul Rahman.

Katanya, Dr Kua tidak boleh menjadikan dokumentasi itu sebagai bahan rujuaknya tanpa diketahui kesahihannya.

ANAK
FOUNDATION
KATA SA N
KEPIMPINAN
PERDANA